

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1987/88

YMP 206 - Kewartawanan Foto

Tarikh: 4 April 1988

Masa: 2.15 petang - 5.15 petang
(3 jam)

BAHAGIAN A (60 markah)

Jawab SEMUA soalan.

1. Lens 135 mm dikatakan Tele-Photo Lens?
Betul/Salah (2 markah)
2. Multigred no. 5 di enlarger adalah untuk negatif 'under
exposed'. Betul/Salah (2 markah)
3. Apakah dia 'B' speed? (2 markah)
4. Berikan perbezaan Shutter speed tinggi (1/500) dengan rendah
(1/15). (2 markah)
5. Apakah Dodging dan Burning-In? (2 markah)
6. Apakah Easel dan fungsinya? (2 markah)
7. Apakah Contact Printer dan fungsinya? (2 markah)
8. Apakah akan terjadi sekiranya anda mengurangkan rendaman
kertas foto di dalam fixer? (2 markah)
9. Sekiranya anda mengambil 7 minit untuk memproses filem 24
exposure ASA 100 di dalam Developer D76, berapakah masa yang
diambil untuk memproses filem 36 exposure ASA 100? (2 markah)
10. Apakah ASA/ISO/DIN? (2 markah)

...2/-

11. Berikan beberapa fungsi berbeza kamera SLR jenis 35 mm dengan kamera instamatik jenis 35 mm. (4 markah)
12. Anda seringkali diingatkan tentang perspektif ketika di bilik kuliah demi merakamkan gambar yang baik. Berikan definisi perspektif dari sudut fotografi. (4 markah)
13. Apakah kebaikan dan keburukan ASA 400 berbanding dengan ASA 100? (4 markah)
14. Berikan nama kimia pertama dan ketiga yang digunakan untuk memproses filem dan apakah fungsinya. (4 markah)
15. Terangkan cara-cara memproses filem dari mula hingga akhir. (4 markah)
16. Apakah fungsi stop-bath dan foto-flow? (4 markah)
- ✓ 17. Apakah yang dikatakan under exposed dan over exposed? (4 markah)
18. Isikan tempat kosong.
Shutter speed 1/____, 1/30, 1/15, 1/____, 1/4, 1/____,
1/____ (4 markah)
19. Aperture
f2.8, f4, f____, f____, f11, f____, f22____, f____ (4 markah)
20. Apakah keburukan menggunakan aperture bukaan lubang besar dan bukaan lubang kecil? (4 markah)

...3/-

BAHAGIAN B(40 markah)

Jawab DUA (2) soalan.

1. Gambar Kewartawanan Foto yang baik mempunyai nilai kewartawanan dan bukan setakat seni fotografi. Seorang Wartawan Foto ialah juga seorang wartawan dan seorang jurugambar bertugas mengambil gambar untuk penerbitan. Inilah perbezaan besar antara Wartawan Foto dan seorang jurugambar. Bincangkan. (20 markah)
2. Nilai sekeping gambar ialah seribu kata. Bincangkan kenyataan ini menurut sudut Kewartawanan Foto. (20 markah)
3. Kemajuan sains dan teknologi telah membawa banyak pembaharuan dalam bidang Kewartawanan Foto. Pada pendapat anda adakah pembaharuan ini mendatangkan kebaikan atau keburukan kepada kerjaya seorang Wartawan Foto di masa akan datang? (20 markah)
4. Kebanyakan kamera mempunyai bahagian mekanisme seperti berikut:
 - i. Kanta (Lens)
 - ii. Pengatup (Shutter)
 - iii. Penyekat (Diaphragm)
 - iv. Pemandang Tilik (View finder)
 - v. Satah Fokus (Focal Plane).

Berikan fungsi tiap-tiap mekanisme ini.

(20 markah)

-oooOooo-